

## **KESEJAHTERAAN KEWANGAN KAJIAN KES PENGUSAHA CHALET DI PANTAI PENGKALAN BALAK**

**Noorizzati Husna Ahmad Mahmud<sup>1</sup> & Suzana Ab Rahman<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Kolej Universiti Islam Melaka.

<sup>2</sup>Pensyarah di Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi, Kolej Universiti Islam Melaka.

### **ABSTRAK**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti hubungan pengetahuan dan kemahiran ke atas kesejahteraan kewangan dalam kalangan pengusaha chalet di kawasan pengkalan balak, Melaka. Pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini ialah pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan, manakala pembolehubah bersandar ialah kesejahteraan kewangan dalam kalangan pengusaha chalet di kawasan pengkalan balak. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif iaitu dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Kajian ini juga melibatkan penggunaan perisian IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22 yang merangkumi analisis korelasi bagi menganalisis data yang diperolehi bagi kajian ini. Hasil akhir kajian ini menunjukkan bahawa faktor pengetahuan dalam pengurusan kewangan adalah faktor utama yang paling mempengaruhi kesejahteraan kewangan dalam kalangan pengusaha chalet di kawasan pengkalan balak.

**Kata kunci:** *Kesejahteraan Kewangan, Pengetahuan, Kemahiran.*

## **FINANCIAL WELL-BEING AMONG CHALET OPERATORS AT PANTAI PENGKALAN BALAK**

### **ABSTRACT**

This study aims to investigate the relationship that affects the financial well-being among chalet operators in the timber base, Melaka. The independent variable in the study was knowledge in financial management and skills in financial management, while the dependent variable was the financial well-being among chalet operators in the timber base. In this study, the researcher uses quantitative method by distributing questionnaire to the respondent. This study also involved the use of the IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 22 which includes the correlation analysis to analyze the data obtained for this study. The end result of this study shows that the knowledge factor in financial management is the main factor that affects the financial well-being of chalet operators in the timber base.

**Keywords:** *knowledge in financial management, skills in financial management and financial well-being among chalet operators in timber areas.*

### **PENGENALAN**

Kebanyakan negara membangun dan kurang membangun telah menjadikan usahawan mikro dan kecil sebagai tulang belakang pembangunan ekonomi negara.(Ahmad & Samsudin, 2017). Golongan usahawan merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat yang diterima sebagai golongan penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat dan dikenal pasti sebagai agen kepada perubahan ekonomi dunia.(Aliza & Miaat, 2014). Pembuatan keputusan kewangan adalah sangat penting dalam menjamin kesejahteraan kewangan dan seterusnya kesejahteraan hidup seseorang mahupun sesebuah organisasi terutama sekali dalam era lanskap kewangan masa kini yang semakin berubah dan kompleks dengan pelbagai penawaran instrumen kewangan yang bersifat serba canggih dan berteknologi tinggi. Salah satu faktor penting yang dikenalpasti yang mempunyai hubungan pembuatan keputusan kewangan seseorang individu mahupun pihak pengurusan organisasi ialah pengetahuan atau literasi kewangan atau celik wang di kalangan individu atau pentadbir.(Rubayah Yakob, 2015)

Kesejahteraan kewangan dilihat sebagai salah satu konsep penting dalam bidang kewangan dan ekonomi dan ia menjadi topik kegemaran ramai ahli ekonomi, kaunselor kewangan, perancang, ejen pelaburan dan saintis sosial. Secara umumnya, kesejahteraan kewangan dapat dikonseptualisasikan sebagai "keadaan dimana seseorang dapat memenuhi sepenuhnya kewajipan kewangan semasa dan berterusan, dapat merasa aman dalam masa depan kewangannya, dan dapat membuat pilihan yang memungkinkan kehidupan yang menyenangkan" (Hazudin et al., 2018)

Masalah ketidaksejahteraan kewangan dalam kalangan usahawan antaranya berpunca daripada ketidakstabilan pekerjaan, peningkatan kos hidup, bebanan hutang, kurang pengetahuan kewangan dan tingkahlaku kewangan yang lemah. Ianya memberi banyak kesan negatif dalam kehidupan seharian pekerja, seperti produktiviti kerja menurun, hubungan kekeluargaan tergugat, menjejaskan kesihatan diri dan sentiasa rasa tertekan Tambahan itu juga faktor lain yang berpengaruh ke atas kesejahteraan kewangan pekerja ialah pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu perniagaan. (Brüggen, Högrove, Holmlund, Kabadayi, & Löfgren, 2017). Selain itu, tiada kemahiran dalam menguruskan kewangan dan menjadikan wang perniagaan adalah milik bersama menunjukkan kemahiran pengurusan kewangan yang amat lemah telah dipraktikkan oleh usahawan bumiputera ini .Ahmad, & Samsudin (2017). Kajian ini juga menekankan bahawa antara punca pengusaha atau usahawan gagal mengembangkan perniagaan mereka adalah kerana mereka kurang menguasai ilmu-ilmu keusahawanan, kurang pengalaman dan kurang kemahiran serta kreativiti dalam mengeluarkan sesuatu produk atau perkhidmatan yang boleh dipasarkan (Azman A.R, Mohamad Yazis Ali Basah, Mohammad Noorizzuddin Nooh Mahdhir Abdullah, 2016). Justeru kajian kes ini ingin

mengenalpasti hubungan pengetahuan dan kemahiran ke atas kesejahteraan kewangan dalam kalangan pengusaha chalet di kawasan pengkalan balak, Melaka.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kajian ini mengenal pasti bagaimana pengusaha-pengusaha pusat peranginan di pantai Pengkalan Balak ini mengawal perbelanjaan operasi harian dan menguruskan kewangan pusat peranginan yang boleh juga dikategorikan sebagai keadaan kesejahteraan kewangan pengusaha chalet ini. Usahawan mikro bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan mempercepat pertumbuhan perniagaan untuk menjadi perusahaan bersaiz kecil dan sederhana (Omar, 2017). Berdasarkan (SME Corporation Malaysia, 2016) usahawan mikro terdiri daripada dua kategori iaitu dari segi pembuatan dan perkhidmatan sektor lain. Bagi kategori pembuatan, jualan tahunan kurang daripada RM300,000 atau bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang manakala bagi perkhidmatan dan sektor lain, jualan tahunan kurang daripada RM300,000 atau bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang.

### **Kesejahteraan Kewangan**

Kesejahteraan kewangan sering digunakan sebagai indikator kepada kesejahteraan hidup seseorang (Zaimah et al., 2012). Menurut Zaimah, Awang dan Sarmila (2016) kesejahteraan kewangan merupakan satu istilah yang diguna pakai bertujuan memberi gambaran kepuasan seseorang terhadap kedudukan kewangan peribadinya. Menurut Zaimah & Sarmila, (2013) pula, kesejahteraan kewangan adalah suatu konsep yang cuba menjelaskan tentang kedudukan kewangan seseorang individu atau keluarga serta kestabilan pekerjaan, peningkatan kos perbelanjaan, pengurangan beban hutang dalam sesuatu perniagaan. Oleh kerana itu, pengusaha – pengusaha di kawasan Pantai Pengkalan Balak kebanyakannya terdiri daripada pengusaha persendirian milikan tunggal. Ini bermaksud segala pembiayaan dan sumber kewangan adalah seratus peratus dari pada tanggungan sendiri dan sekaligus menunjukkan amalan kesejahteraan kewangan chalet mahupun boleh mempengaruhi kewangan peribadi pengusaha.


### **Pengetahuan**

Hassan (2015) mendefinisikan pengetahuan adalah suatu peringkat dalam bentuk kebenaran, prinsip dan maklumat. Ia berasal daripada pengalaman lampau dan pengalaman baru sama ada diketahui sendiri atau melalui sumber lain dan digunakan bagi mencapai matlamat yang belum terlaksana. Selain itu, menurut Yusof (2011) menyatakan pengetahuan dalam bidang keusahawanan sangat penting kepada seseorang yang dapat memberi kesan kepada kejayaan dalam sesebuah perniagaan yang dijalankan. Jika pengusaha itu mempunyai pengetahuan yang baik dalam bidang pengurusan kewangan maka kesejahteraan kewangan dalam sesuatu perniagaan itu akan menjadi lebih baik. Tambahan daripada itu menurut (Mokhtar, Thinagaran, Sabri, & Ho, 2018) mendapati jika seseorang individu itu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang bidang kewangan ia akan mempengaruhi individu itu untuk membuat keputusan yang baik dan optimum atau menguntungkan perniagaannya.

### **Kemahiran**

Kemahiran adalah merupakan elemen yang penting dalam mendisiplinkan seseorang individu untuk mencapai kesejahteraan kewangan yang berkualiti. Menurut Samkin, Pitu dan Low (2014), kemahiran penting bagi seseorang pemilik perniagaan kecil untuk menjalankan perniagaan mereka. Kemahiran yang baik dapat membina keupayaan untuk lebih memahami dan menguruskan risiko kewangan serta dapat mengambil kesempatan daripada peningkatan persaingan dan pilihan dalam sektor kewangan (Jian, Chen, & Chen, 2014). Tambahan itu juga usahawan yang mempunyai kemahiran literasi kewangan bukan sahaja boleh memahami apa yang berlaku dalam dunia kewangan, malah boleh membuat keputusan-keputusan yang berkesan berkaitan kewangan dalam perniagaan

yang dijalankan (Yakob et al., 2018) dan seterusnya akan memberi kesan secara langsung terhadap kesejahteraan kewangan perniagaan mereka.



Rajah 2.1 : Cadangan Konsep Kerangka Kajian Kesejahteraan Kewangan Di Kalangan Pengusaha Chalet di Pantai Pengkalan Balak

## METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kajian tinjauan. kajian ini digunakan untuk memperoleh data daripada pengusaha-pengusaha mengenai pengetahuan serta kemahiran dalam kesejahteraan kewangan usahawan mikro pusat peranginan di Pengkalan Balak. Dengan menggunakan formula Tabachnick dan Fidel (2007) menunjukkan pengiraan saiz sampel sebanyak 66 buah pengusaha chalet. Jumlah pengusaha chalet yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 66 orang responden. Hasil daripada kajian ini, mendapati jumlah responden bagi pengusaha chalet lelaki adalah sebanyak 30.3% iaitu bersamaan dengan 20 orang responden. Namun, bilangan tersebut adalah lebih rendah daripada jumlah responden pengusaha chalet perempuan iaitu sebanyak 69.7 % bersamaan dengan 46 orang responden.

## Instrumen Kajian

Jadual 2.2 : Instrumen Kajian Kesejahteraan Kewangan di kalangan Pengusaha Chalet

Pembolehubah	Item	Penulis
Kesejahteraan Kewangan	Saya merasa tenang menguruskan kewangan chalet	Mohammad Rahim et. al (2018)
	Saya berpuas hati dengan kedudukan kewangan chalet	
	Saya akan memastikan setiap bekalan makanan dan barangan keperluan chalet mencukupi	
	Saya sangat berpuas hati dengan kos perbelanjaan bulanan chalet	
	Saya merasa tenang dengan pengurusan kewangan chalet	
Pengetahuan	Saya dapat membezakan perbelanjaan peribadi dengan perbelanjaan perniagaan	(Rahman & Ismail, 2018)
	Saya tahu tentang dokumen sumber perniagaan	
	Saya tahu berkenaan hasil pungutan chalet	
	Saya tahu tentang penyata pendapatan chalet	
	Saya selalu menggunakan pembayaran hutang melalui online banking	
Kemahiran	Saya boleh menyediakan penyata pendapatan chalet	(Rahman & Ismail, 2018)
	Saya mahir perisian Microsoft Office ( contoh : Word, Excel dll ) untuk tujuan pengurusan tunai	
	Saya boleh menetapkan harga jualan seunit bilik chalet	
	Saya boleh menyediakan dokumen sumber perniagaan	
	Saya boleh menyediakan penyata Kunci Kira-kira	

Jadual 2.2 ini menunjukkan instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini. Bagi mendapatkan maklumat respondent berkaitan dengan kesejahteraan kewangan pengusaha chalet pengkalan balak.

## Hasil Kajian

Jadual 4.1: Korelasi pembolehubah dan kesejahteraan kewangan dalam kalangan pengusaha chalet di Pantai Pengkalan Balak

<b>Pembolehubah</b>	<b>r</b>	<b>p</b>
Pengetahuan dalam pengurusan kewangan	.674**	.000
Kemahiran dalam pengurusan kewangan	.524**	.000

Berdasarkan jadual 4.1 hasil daripada kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif antara pengetahuan dalam pengurusan kewangan dengan kesejahteraan kewangan dalam kalangan pengusaha chalet di kawasan Pengkalan Balak ( $r = 0.674$ ,  $p < 0.000$ ). Dapatan ini juga dapat diterjemah melalui kekuatan hubungan Albert Davis (1971), perkaitan antara pengetahuan dalam pengurusan kewangan dengan kesejahteraan kewangan dalam kalangan pengusaha chalet di kawasan Pengkalan Balak adalah perkaitan yang kuat. Korelasi positif pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif iaitu lebih tinggi pengetahuan dalam pengurusan kewangan, lebih tinggi juga kesejahteraan kewangan dalam kalangan pengusaha chalet di kawasan Pengkalan Balak.

Selain itu, terdapat juga hubungan yang signifikan positif di antara kemahiran dalam pengurusan kewangan dengan kesejahteraan kewangan dalam kalangan pengusaha chalet di kawasan Pengkalan Balak yang disokong oleh korelasi koefisien ( $r = 0.524$ ,  $p < 0.000$ ). Berdasarkan kekuatan hubungan Albert Davis (1971), nilai  $r$  menunjukkan bahawa perkaitan antara kemahiran dalam pengurusan kewangan dengan kesejahteraan kewangan dalam kalangan pengusaha chalet di kawasan Pengkalan Balak adalah terdapat hubungkaitnya dimana hubungkaitnya bertahap kuat.

## DAPATAN KAJIAN

Keputusan kajian ini menunjukkan elemen pengetahuan dan kemahiran dalam membuat keputusan pengurusan kewangan merupakan pembolehubah yang sangat mempengaruhi kesejahteraan kewangan di kalangan pengusaha chalet di kawasan Pantai Pengkalan Balak. Justeru, kedua-dua hubungan ini sangat signifikan terhadap kesejahteraan kewangan pengusaha-pengusaha chalet, melalui dapatan kajian ini juga akan dapat dibuktikan ilmu – ilmu pengurusan kewangan yang lebih optimum dan dinamik sangat- sangat diperlukan kepada mereka. Antara aktiviti yang di boleh dijalankan oleh pengusaha chalet ini dalam memaksimumkan strategi pengurusan kewangan yang baik adalah dengan menghadiri kursus – kursus pementapan ilmu kewangan yang boleh dianjurkan oleh badan – badan swasta dan kerajaan. Tambahan itu juga, mereka boleh menjalinkan kerjasama dengan institusi – institusi kewangan dan bukan kewangan dalam mencapai objektif syarikat yang mereka kehendaki serta kemahiran dan pengetahuan ini dapat memaksimumkan kesejahteraan kewangan syarikat dan individu dengan baik.

Berdasarkan analisis skor purata min kemahiran dalam pengurusan kewangan berdasarkan soalan 5 menunjukkan pada tahap sederhana yang membawa maksud bahawa kemahiran dalam pengurusan kewangan pengusaha chalet di kawasan Pengkalan Balak dari segi penyediaan penyata kunci kira-kira perlu diberi latihan dan pendedahan untuk merekod dokumen sumber yang sistematik serta menyediakan penyata kewangan yang lengkap. Selain itu, cadangan lain bagi mengekalkan kesejahteraan kewangan pengusaha chalet di kawasan Pengkalan Balak dalam kemahiran adalah dengan memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti pembelajaran antara pengusaha dengan menyediakan kelas-kelas kemahiran perisian Microsoft agar lebih mahir dan cekap untuk tujuan pengurusan tunai dalam mengukuhkan lagi perniagaan chalet di kawasan Pengkalan Balak Melaka. Tambahan itu juga, pengusaha chalet di kawasan Pengkalan Balak, menunjukkan kebanyakan pengusaha chalet di kawasan Pengkalan Balak ini adalah dari kalangan warga emas yang berpencen dan sudah berusia dan masih kurang pengetahuan dalam pengurusan kewangan dari segi dokumen sumber kewangan

dan penyata pendapatan chalet. Dengan ini, cadangan yang boleh dikemukakan oleh pengkaji adalah pihak Institusi Keusahawanan Negara mahupun pun NGO – NGO mahupun institusi pengajian tinggi seperti KUIM boleh menganjurkan seminar, bengkel mengenai pengurusan kewangan di kalangan pengusaha-pengusaha chalet mahupun perniagaan yang lain. Tambahan itu juga pengkaji akan datang juga boleh menggunakan kaedah atau teknik analisa data yang lebih kompleks dan terkini seperti perisian AMOS atau SMART PLUS.

## **RUJUKAN**

- Omar, F. I. (2017). Penggunaan Internet dalam Kalangan Usahawan Wanita : Akses , Kemahiran dan Motivasi Internet Use among Women in Business : Access , Skill and Motivations, 33(3), 21–36.
- Rahman, W. A. A. B. W. H. M. F. A., & Ismail, S. M. B. S. (2018). Amalan pengurusan kewangan dalam kalangan peniaga pasar malam kawasan pasir gudang. *E-Proceedings National Innovation and Invention Competition Through Exhibition 2018*, (2009).
- SME Corporation Malaysia. (2016). *Garis panduan bagi definisi baharu PKS*.
- Yakob, S., Ramli, A., Bakar, M. S., Pengajian, P., Perniagaan, P., Pengurusan, K., ... Kewangan, L. (2018). TINJAUAN KE ATAS PENGUKURAN LITERASI KEWANGAN : PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA ( PKS ). *Journal of Humanities, Language, Culture and Business*, 2(8), 37–45.
- Ahmad, S., & Samsudin, M. A. (2017). Prestasi Usaha Usahawan Mikro : Kajian Di Koperasi Syariah Baitul Qiradh Aceh The Impact of Shariah Finance Micro towards the Performance of the Micro Bussiness Entrepenuer : A Study of The Shariah Cooperation of Baitul Qiradh Aceh, 2(2), 1–25.
- Aliza, E., & Miaat, B. (2014). Faktor Yang Mendorong Kecenderungan Pelajar Kolej Vokasional Ke Arah Bidang Keusahawanan.
- Hazudin, S. F., Tarmuji, N. H., Kader, M. A. R. A., Majid, A. A., Aziz, N. N. A., & Ishak, M. (2018). The relationship between previous mathematics performance, and level of financial literacy and financial well-being of university students. *AIP Conference Proceedings*, 1974. <https://doi.org/10.1063/1.5041701>
- Jian, J., Chen, C., & Chen, F. (2014). Consumer financial capability and financial satisfaction. *Social Indicators Research*, 118(1), 415–432. <https://doi.org/10.1007/s11205-013-0414-8>
- Mokhtar, N., Thinagaran, M. D., Sabri, M. F., & Ho, C. S. F. (2018). A Preliminary Evaluation of Financial Literacy in Malaysia. *Journal of Wealth Management & Financial Planning*, 5(6), 3–16.
- Rubayah Yakob, H. J. & N. A. K. (2015). Tahap Literasi Kewangan dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam : Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia ( Financial Literacy Level Amongst Public University Students : Evidence from Universiti Kebangsaan Malaysia ), 18(1), 75–88.